

SOALAN NO. 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah pencapaian pihak Kementerian dapat membantu warga emas yang hidup melarat mengalami kemiskinan tegar agar dapat meneruskan kehidupan seperti masyarakat biasa dengan pemberian bantuan sara hidup oleh Kementerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberikan keutamaan daripada segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang berkelayakan. Keprihatinan ini terbukti di mana **Bantuan Orang Tua (BOT)** merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan pengagihan bantuan kebajikan. Sehingga September tahun 2014, JKM membelanjakan sebanyak RM347.543 juta bagi bantuan kebajikan kepada 131,571 orang warga emas di seluruh negara. Jumlah ini merupakan 35% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan pada tahun 2014. Sesungguhnya bantuan ini adalah satu inisiatif keprihatinan Kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup.

Apa yang penting ialah sokongan anak dan ahli keluarga supaya ibu bapa mereka dapat hidup sihat sejahtera.

Sejajar dengan peningkatan bilangan warga emas, negara juga bakal berhadapan dengan senario warga emas tinggal berseorangan dan memerlukan penjagaan. Dalam hal ini, KPWKM melalui JKM telah mengambil inisiatif melaksanakan Perkhidmatan Bantu di Rumah atau **Home Help Services** yang bercorak *reaching out* kepada warga emas sejak tahun 2005. Perkhidmatan ini dikendalikan melalui kerjasama strategik dengan sukarelawan daripada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang menemani warga emas menjalani kehidupan sehari-hari mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli-belah barang dapur, membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menatariaskan warga emas seperti membersihkan diri, menyikat atau mendandan rambut dan memotong kuku di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut.

Manakala bagi warga emas yang memerlukan penjagaan dan perlindungan, KPWKM melalui JKM turut menyediakan **Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan** kepada warga emas yang daif. Pada tahun 2014 terdapat sebanyak 9 buah Rumah Seri Kenangan di Semenanjung Malaysia yang memberi penjagaan dan perlindungan

kepada seramai 1,590 orang penghuni. Manakala hingga Disember 2014, terdapat 2 buah Rumah Ehsan yang memberi penempatan kepada seramai 216 orang penghuni di mana seramai 145 orang penghuni daripadanya adalah warga emas. Selain itu, kadar wang saku bagi penghuni warga emas di institusi JKM juga telah dinaikkan daripada RM10 sebulan kepada RM30 sebulan mulai tahun 2014.

Bagi warga emas yang masih aktif dan mampu berdikari, Kementerian melalui JKM turut menyediakan **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** bagi memudahkan golongan warga emas berkumpul dan melaksanakan aktiviti bersesuaian. Hingga Disember 2014, terdapat 45 buah PAWE di seluruh negara di mana seramai 111, 453 warga emas telah berdaftar di pusat-pusat ini.

Selain itu, Kementerian telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui **Unit Khidmat Penyayang Warga Emas (UPWE)** pada tahun 2008 bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Hingga Oktober 2014, seramai 14,500 warga emas telah menggunakan perkhidmatan tersebut.

Kerajaan juga melaksanakan program berdasarkan inisiatif komuniti bagi menyediakan persekitaran kondusif kepada warga emas bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan secara sihat, aktif dan produktif.

SOALAN (53)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 18 MAC 2015
[RABU]**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN :-

TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sekiranya Kerajaan Pusat dan Negeri akan membina bangunan-bangunan ibadat yang lain dan bukan hanya surau/masjid yang selalunya dibina dalam projek-projek perumahan dan institusi yang ditanggung oleh Kerajaan atau Syarikat Berkaitan Kerajaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menyediakan Draf Garis Panduan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara.

Garis panduan yang digubal ini memberi penekanan kepada aspek keharmonian, persefahaman dan kesensitifan antara rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya **tanpa mengabaikan hak beragama bagi setiap orang termasuklah golongan minoriti sejajar dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu di bawah Fasal (1) Perkara 3 dan Fasal 1 (Perkara 11) serta Prinsip-Prinsip Rukun Negara.**

Cadangan pembangunan tempat keagamaan selain Islam perlu berdasarkan kepada pendekatan '*threshold*' dan jarak yang menetapkan

2,300 penganut sesebuah agama untuk sebuah tempat keagamaan di kawasan bandar dan 1,000 penganut bagi kawasan luar bandar.

Bagi setiap perancangan pembangunan di sesuatu kawasan perumahan dan keperluan tapak bagi pembangunan rumah ibadat bukan islam, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menimbangkan keperluan tapak bagi pembangunan tersebut jika dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.